



**KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BILANGAN 2 TAHUN 2015**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN HEBAHAN MAKLUMAT INTEGRITI
JABATAN/AGENSI DI PENTADBIRAN KERAJAAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan hebahan maklumat integriti melalui kaedah mewujudkan *pit stop* integriti di setiap jabatan dan agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri Sembilan Darul Khusus. Pelaksanaan *pit stop* integriti merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kesedaran penjawat awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan berhubung integriti. *Pit stop* integriti adalah merupakan *one stop centre* bagi semua jabatan/agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus yang memaparkan maklumat-maklumat dan saluran hebahan berhubung integriti.

2. OBJEKTIF

2.1 Objektif pelaksanaan *pit stop* integriti ini adalah seperti berikut:

- 2.1.1 Memantapkan Jabatan/Agensi sebagai sumber penyampaian maklumat berhubung integriti;
- 2.1.2 Menjadikan *pit stop* integriti sebagai pusat maklumat integriti yang terkini;
- 2.1.3 Memaparkan maklumat-maklumat berhubung integriti
- 2.1.4 Meningkatkan kesedaran penjawat awam berhubung integriti;
- 2.1.5 Memupuk sikap kakitangan yang dinamik, kreatif, dan Inovatif;

3. BENTUK PELAKSANAAN *PIT STOP* INTEGRITI

PAPAN KENYATAAN / <i>PIT STOP</i>	<ol style="list-style-type: none">1. Berada dalam keadaan baik, tidak berdebu, dan sentiasa bersih.2. Saiz yang sesuai dan tidak terlalu besar (36 X 72 inci).3. Mudah dilihat oleh kakitangan/orang ramai dan kedudukannya strategik.4. Berkonsepkan imej korporat jabatan.
MEDIA/ BAHAN PAMERAN	<ol style="list-style-type: none">1. Bahan media atau bahan pameran yang dipamerkan di <i>pit stop</i> integriti di jabatan/agensi perlu berada dalam keadaan baik, tidak berdebu dan sentiasa bersih.2. Bahan-bahan berhubung integriti perlu dikemaskini setiap bulan.3. Penampilan media/bahan pameran yang dipamerkan perlu berkualiti, berimej korporat, kemas dan teratur.4. Penggunaan kreativiti mempamerkan bahan tersebut adalah digalakkan supaya dapat menarik perhatian kakitangan/orang ramai.

4. BAHAN-BAHAN PAMERAN

- 4.1 Bahan-bahan yang perlu dipamerkan di *pit stop* hendaklah bahan yang berhubung integriti dan berbentuk poster, petikan akhbar, brosur, kata-kata hikmah atau gambar-gambar program integriti yang dilaksanakan di jabatan masing-masing.
- 4.2 *Pit stop* ini perlu dikemaskini setiap bulan selewat-lewatnya pada 5 hari bulan.

5. PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pegawai yang bertanggungjawab di dalam pelaksanaan *pit stop* integriti bagi setiap jabatan/agensi dipertanggungjawapkan kepada pegawai penyelaras integriti yang telah dilantik di setiap jabatan/agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan.

6. URUS SETIA

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Unit Integriti

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus

Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri

Jalan Dato' Abdul Malek

70503 Seremban

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-7659017/9045

Faks: 06-7634043

Email: Integriti@ns.gov.my

7. TARIKH BERKUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

t.t

(DATO' HJ. MAT ALI BIN HASSAN)

Setiausaha Kerajaan

Negeri Sembilan Darul Khusus

10 Februari 2015

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

